

NAMA: \_\_\_\_\_ ( )

MARKAH: \_\_\_\_\_

**A. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.( 5x2%=10%)**

Majlis Permuafakan Taman Cempaka bermula pada pukul 7.30 pagi di Dewan Cempaka. Penduduk yang hadir bersalam-salaman dan bertanya khabar antara satu sama lain.

Pelbagai aktiviti dijalankan. Kanak-kanak menyertai kuiz Bahasa Malaysia belon dan pertandingan mewarna. Golongan remaja mengambil bahagian dalam pertandingan bola sepak. Pertandingan membuat kek untuk kaum ibu. Kaum bapa pula bertanding lumba guni berkumpulan dengan semangat penuh kejiranan.

Suasana pada hari itu sungguh meriah. Penduduk bersuka ria, saling mengusik, berbual mesra dan bergurau senda. Pelbagai makanan dan minuman dihidangkan pada akhir majlis. Mereka berasa gembira walaupun letih.

1. Di manakah Majlis Hari Mesra Taman Bestari diadakan ?

A. balai raya

B. pasar raya

C. Dewan Cempaka

2. Apakah pertandingan yang disertai oleh kanak-kanak ?

A. tarik tali

B. kuiz Bahasa Malaysia dan pertandingan mewarna

C. meniup belon dan pertandingan mewarna

3. Apakah sikap yang ada pada penduduk kampung ?

A. sombong

B. mesra

C. malas

4. Semua penduduk bertanding dengan semangat penuh \_\_\_\_\_.

A. kejiranan

B. kesukuan

C. kesukaan

5. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.

A. Suasana pada hari itu sungguh meriah.

B. Kaum bapa bertanding lumba guni berkumpulan.

C. Mereka berasa sedih kerana letih.

**B. Pilih Kata Nama Am yang terdapat dalam ayat di bawah.(25%)**

1. Kakak membeli buah rambutan di pasar pagi.

2. Pak Cik Lim menternak ayam di belakang rumah.

3. Kim Lim merupakan murid SJK ( C ) Poay Wah.

4. Mei Siew membeli sejambak bunga untuk neneknya.

5. Nelayan-nelayan menangkap ikan di laut.

**C. Isi tempat kosong dengan Kata Adjektif yang sesuai. (10%)**

bulat

tebal

tinggi

panjang

besar

1. Bangunan yang \_\_\_\_\_ itu ialah Komtar.
2. Bola itu berbentuk \_\_\_\_\_.
3. Rambut Mei Ling \_\_\_\_\_.
4. Ali mempunyai sebuah novel yang \_\_\_\_\_.
5. Hartawan itu memiliki rumah yang \_\_\_\_\_ di atas bukit.

**D. Tuliskan Kata Sendi Nama yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah. ( 10%)**

|                                                   |  |
|---------------------------------------------------|--|
| 1. Saya belajar di SJK ( C ) Poay Wah.            |  |
| 2. Emak ke Ipoh kerana urusan kerja.              |  |
| 3. Pada masa lapang, saya suka bermain badminton. |  |
| 4. Pameran buku ini dikhaskan untuk kanak-kanak.  |  |
| 5. Cerita itu ditulis oleh Farah.                 |  |

**E. Isi tempat kosong dengan Kata Kerja yang betul. (10%)**

1. Ai Ling sedang \_\_\_\_\_ gambar kereta.

membuang

melukis

2. Ibu \_\_\_\_\_ makanan untuk kami sekeluarga.

memasak

menyiram

3. Ali \_\_\_\_\_ ketakutan apabila ternampak ular itu.

menjerit

menerima

4. Ai Mei \_\_\_\_\_ pertandingan mewarna sempena  
Majlis Hari Mesra.

menjamu

menyertai

5. Cikgu Yap menggalakkan murid-murid \_\_\_\_\_ buku  
cerita.

membelai

membaca

**F. Lengkapi ayat di bawah dengan Kata Ganti Nama Diri yang betul. ( 10%)**

-nya

awak

Mereka

kita

saya

1. Semua murid Tahun 3M hadir ke sekolah. \_\_\_\_\_ sangat rajin belajar.
2. "Ke manakah \_\_\_\_\_ akan bercuti nanti?" tanya Qaseh kepada Rani.
3. Janganlah \_\_\_\_\_ melawan cakap ibu bapa kita.
4. Nenek bekerja di dusun \_\_\_\_\_ setiap hari.
5. "Terima kasih kerana sudi membantu \_\_\_\_\_ ," kata Abu kepada Ahmad.

**G. Pilih Kata Hubung yang sesuai. (10%)**

1. Saya   Mei Ling pergi ke pasar malam.
2. Kamu suka minum kopi   teh ?
3. Hobi Ali melukis   membaca.
4. Kamu suka sate ayam   sate lembu ?
5. Ai Siew suka membela anab   kucing.

**H. Isi tempat kosong dengan perkataan berimbuhan awalan dan akhiran yang sesuai. (15%)**

1. Ai Ling dan Mei Ling \_\_\_\_\_ (baca) buku di perpustakaan.
2. Pekebun itu \_\_\_\_\_ ( rehat ) sambil minum teh di bawah pokok itu .
3. Ayah memberi \_\_\_\_\_ (cadang) untuk menjalankan gotong-royong membersihkan kampung.
4. Penduduk kampung \_\_\_\_\_ (bual) mesra sempena Majlis Hari Mesra.
5. Ai Mei mengambil \_\_\_\_\_ ( bahagi) dalam pertandingan mewarna.